



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 02 Disember 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>6,249 Kehamilan Menerusi Rawatan Kesuburan Di LPPKN</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699857/berita/nasional/6249-kehamilan-menerusi-rawatan-kesuburan-di-lppkn#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/699857/berita/nasional/6249-kehamilan-menerusi-rawatan-kesuburan-di-lppkn#google_vignette</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rawatan-fertiliti-lppkn-capai-prestasi-memberangsangkan-nancy-498809">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rawatan-fertiliti-lppkn-capai-prestasi-memberangsangkan-nancy-498809</a>  <a href="https://thesun.my/malaysia-news/lppkn-fertility-treatment-continues-to-show-encouraging-results-nancy-OH13366844">https://thesun.my/malaysia-news/lppkn-fertility-treatment-continues-to-show-encouraging-results-nancy-OH13366844</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/6249-kehamilan-terhasil-menerusi-subfertiliti-lppkn/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/6249-kehamilan-terhasil-menerusi-subfertiliti-lppkn/</a>  <a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2369801">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2369801</a>  <a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rawatan-fertiliti-lppkn-capai-prestasi-memberangsangkan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rawatan-fertiliti-lppkn-capai-prestasi-memberangsangkan</a>	Sinar Harian  Astro Awani  The Sun  Utusan  Bernama  Berita RTM	Neutral
2.	<b>KPWKM Bersedia Tambah Petugas Banjir Jika Diperlukan</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/kpwkm-bersedia-tambah-petugas-banjir-jika-diperlukan/">https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/kpwkm-bersedia-tambah-petugas-banjir-jika-diperlukan/</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-mohon-nadma-lancar-pergerakan-petugas-ke-kawasan-terlibat-banjir/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-mohon-nadma-lancar-pergerakan-petugas-ke-kawasan-terlibat-banjir/</a>	Kosmo  Buletin TV3	Neutral

	<p><a href="https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states">https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kpwkm-sedia-hantar-petugas-tambahan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kpwkm-sedia-hantar-petugas-tambahan</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1161396/banjir-ngo-swasta-ingin-salur-bantuan-dinasihat-rujuk-jkm-nadma">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1161396/banjir-ngo-swasta-ingin-salur-bantuan-dinasihat-rujuk-jkm-nadma</a></p> <p><a href="https://themalaysianreserve.com/2024/11/30/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states-nancy/">https://themalaysianreserve.com/2024/11/30/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states-nancy/</a></p> <p><a href="https://selangorjournal.my/2024/12/floods-ngos-private-sector-advised-to-consult-jkm-nadma-for-aid-distribution/">https://selangorjournal.my/2024/12/floods-ngos-private-sector-advised-to-consult-jkm-nadma-for-aid-distribution/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2369516">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2369516</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1141844/floods-kpwkm-ready-send-additional-staff-affected-states-says-nancy#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1141844/floods-kpwkm-ready-send-additional-staff-affected-states-says-nancy#google_vignette</a></p> <p><a href="https://thesun.my/malaysia-news/floods-ngos-private-sector-advised-to-consult-jkm-nadma-for-aid-distribution-AH13366521#google_vignette">https://thesun.my/malaysia-news/floods-ngos-private-sector-advised-to-consult-jkm-nadma-for-aid-distribution-AH13366521#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2369783">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2369783</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2369515">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2369515</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=c-aVIQTXf-8">https://www.youtube.com/watch?v=c-aVIQTXf-8</a></p> <p><a href="https://thesun.my/malaysia-news/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states-nancy-PE13359152">https://thesun.my/malaysia-news/floods-kpwkm-ready-to-send-additional-staff-to-affected-states-nancy-PE13359152</a></p>	<p>Berita RTM</p> <p>Berita RTM</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Malaysia Reserve</p> <p>Selangor Journal</p> <p>Bernama</p> <p>NST</p> <p>The Sun</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama TV</p> <p>The Sun</p>	
3.	<p><b>Ramai Nak Kahwin, Tapi Tiada Duit, Calon</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/ramai-nak-kahwin-tapi-tiada-duit-calon/">https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/ramai-nak-kahwin-tapi-tiada-duit-calon/</a></p>	<p>Kosmo</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/national/career-focus-financial-constraints-among-factors-behind-declining-marriage-rates-nancy/ar-AA1v1rDf">https://www.msn.com/en-my/news/national/career-focus-financial-constraints-among-factors-behind-declining-marriage-rates-nancy/ar-AA1v1rDf</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/women-s-minister-reveals-reasons-behind-declining-marriage-62736419">https://headtopics.com/my/women-s-minister-reveals-reasons-behind-declining-marriage-62736419</a></p> <p><a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/247232/money-issues-prioritising-career-lack-of-suitable-candidates-among-reasons-behind-declining-marriage-rate-nancy/">https://www.dailyexpress.com.my/news/247232/money-issues-prioritising-career-lack-of-suitable-candidates-among-reasons-behind-declining-marriage-rate-nancy/</a></p> <p><a href="https://thesun.my/malaysia-news/career-focus-financial-constraints-among-factors-behind-declining-marriage-rates-nancy-AE13359339">https://thesun.my/malaysia-news/career-focus-financial-constraints-among-factors-behind-declining-marriage-rates-nancy-AE13359339</a></p> <p><a href="https://www.wilayahku.com.my/kpwkm-sambut-baik-majlis-resepsi-mahligai-cinta-perdana/">https://www.wilayahku.com.my/kpwkm-sambut-baik-majlis-resepsi-mahligai-cinta-perdana/</a></p> <p><a href="https://www.wilayahku.com.my/topics/majlis-resepsi-mahligai-cinta-perdana/">https://www.wilayahku.com.my/topics/majlis-resepsi-mahligai-cinta-perdana/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/news.php/bfokus/crime_courts/news.php?id=2369532">https://www.bernama.com/en/news.php/bfokus/crime_courts/news.php?id=2369532</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2369532">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2369532</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2369529">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2369529</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/11/1330906/fokus-kerjaya-kekangan-kewangan-antara-faktor-kekabujang#google_vignette">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/11/1330906/fokus-kerjaya-kekangan-kewangan-antara-faktor-kekabujang#google_vignette</a></p>	<p>MSN</p> <p>Head Topics</p> <p>Daily Express</p> <p>The Sun</p> <p>Wilayah Ku</p> <p>Wilayah Ku</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama</p> <p>Berita Harian</p>	
4.	<p><b>Banjir: Kanak-Kanak Lelaki Berusia Setahun Maut Ditemukan Lemas Di Tumpat</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kanakkanak-lelaki-berusia-setahun-maut-ditemukan-lemas-di-tumpat-498672">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kanakkanak-lelaki-berusia-setahun-maut-ditemukan-lemas-di-tumpat-498672</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/727549">https://www.malaysiakini.com/news/727549</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1160915/kedegilan-ibu-bapa-akibatkan-bayi-maut-terjatuh-dalam-air-kp-kelantan">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1160915/kedegilan-ibu-bapa-akibatkan-bayi-maut-terjatuh-dalam-air-kp-kelantan</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1330813/bayi-berusia-setahun-meninggal-akibat-terjatuh-dalam-air-mangsa-banjir">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1330813/bayi-berusia-setahun-meninggal-akibat-terjatuh-dalam-air-mangsa-banjir</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/30/terjatuh-dalam-air-bayi-setahun-jadi-korban-ketiga-banjir-kelantan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/30/terjatuh-dalam-air-bayi-setahun-jadi-korban-ketiga-banjir-kelantan/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699589/berita/semasa/bayi-usia-setahun-lemas-dalam-rumah-dinaiki-air#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/699589/berita/semasa/bayi-usia-setahun-lemas-dalam-rumah-dinaiki-air#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699589/berita/semasa/bayi-usia-setahun-lemas-dalam-rumah-korban-ketiga-banjir-di-kelantan">https://www.sinarharian.com.my/article/699589/berita/semasa/bayi-usia-setahun-lemas-dalam-rumah-korban-ketiga-banjir-di-kelantan</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/bayi-setahun-lemas-dalam-banjir-di-tingkat-bawah-rumah/">https://www.kosmo.com.my/2024/11/30/bayi-setahun-lemas-dalam-banjir-di-tingkat-bawah-rumah/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-berusia-setahun-jadi-mangsa-korban-banjir-ketiga-di-kelantan/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-berusia-setahun-jadi-mangsa-korban-banjir-ketiga-di-kelantan/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/bayi-setahun-korban-ketiga-banjir-di-kelantan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/bayi-setahun-korban-ketiga-banjir-di-kelantan/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=wqFylokNPjI">https://www.youtube.com/watch?v=wqFylokNPjI</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Gazette TV</p>	
5.	<p><b>Gara-Gara Main Basikal Lajak, 7 Kanak-Kanak Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160632/gara-gara-main-basikal-lajak-7-kanak-kanak-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160632/gara-gara-main-basikal-lajak-7-kanak-kanak-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2369335">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2369335</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699480/berita/semasa/tujuh-kanak-kanak-main-basikal-lajak-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/699480/berita/semasa/tujuh-kanak-kanak-main-basikal-lajak-ditahan</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/padah-main-basikal-lajak-7-kanak-kanak-ditahan/">https://www.buletintv3.my/nasional/padah-main-basikal-lajak-7-kanak-kanak-ditahan/</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/polis-tahan-tujuh-kanak-kanak-main-basikal-lajak-secara-berbahaya-DE13357422">https://thesun.my/cerita/berita/polis-tahan-tujuh-kanak-kanak-main-basikal-lajak-secara-berbahaya-DE13357422</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/11/29/7-kanak-kanak-ditahan-ketika-beraksi-bersama-basikal-lajak/">https://malaysiagazette.com/2024/11/29/7-kanak-kanak-ditahan-ketika-beraksi-bersama-basikal-lajak/</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>The Sun</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
6.	<p><b>Tak Mampu Bayar Bil Hospital, Wanita Tinggalkan Bayi</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330484/tak-mampu-bayar-bil-hospital-wanita-tinggalkan-bayi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330484/tak-mampu-bayar-bil-hospital-wanita-tinggalkan-bayi</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160611/neka-d-tinggal-bayi-sebab-tak-mampu-bayar-bil-hospital-rm45000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160611/neka-d-tinggal-bayi-sebab-tak-mampu-bayar-bil-hospital-rm45000</a></p> <p><a href="https://lobakmerah.com/tak-mampu-bayar-bil-hospital-bernilai-rm45k-wanita-warga-indonesia-tinggal-bayi-di-hospital-sultan-ismail/">https://lobakmerah.com/tak-mampu-bayar-bil-hospital-bernilai-rm45k-wanita-warga-indonesia-tinggal-bayi-di-hospital-sultan-ismail/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Lobak Merah</p>	Neutral
7.	<p><b>Banjir: 2 Warga Emas Lemas Ketika Pantau Ternakan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1161420/banjir-2-warga-emas-lemas-ketika-pantau-ternakan">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1161420/banjir-2-warga-emas-lemas-ketika-pantau-ternakan</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-warga-emas-korban-baharu-banjir-di-kelantan-polis-498818">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-warga-emas-korban-baharu-banjir-di-kelantan-polis-498818</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/12/01/2-warga-emas-lemas-dalam-banjir-ketika-pantau-lembu-kambing-ternakan/">https://www.kosmo.com.my/2024/12/01/2-warga-emas-lemas-dalam-banjir-ketika-pantau-lembu-kambing-ternakan/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699819/berita/semas-a/dua-warga-emas-lemas-ketika-pantau-haiwan-ternakan">https://www.sinarharian.com.my/article/699819/berita/semas-a/dua-warga-emas-lemas-ketika-pantau-haiwan-ternakan</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-warga-emas-korban-baharu-banjir-di-kelantan-polis">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-warga-emas-korban-baharu-banjir-di-kelantan-polis</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/dua-warga-emas-korban-terbaru-banjir-di-kelantan/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/dua-warga-emas-korban-terbaru-banjir-di-kelantan/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/2-warga-emas-korban-kelima-banjir-di-kelantan/">https://www.buletintv3.my/nasional/2-warga-emas-korban-kelima-banjir-di-kelantan/</a>	Buletin TV3	
8.	<p><b>Warga Emas Tinggal Seorang Diri Ditemui Mati Dengan Kesan Tikaman</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/699716/berita/semasa/warga-emas-tinggal-seorang-diri-ditemui-mati-dengan-kesan-tikaman">https://www.sinarharian.com.my/article/699716/berita/semasa/warga-emas-tinggal-seorang-diri-ditemui-mati-dengan-kesan-tikaman</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-maut-dengan-kesan-tikaman-498752">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-maut-dengan-kesan-tikaman-498752</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/01/warga-emas-maut-ditikam/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/01/warga-emas-maut-ditikam/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2369681">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2369681</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/01/warga-emas-ditemui-mati-dengan-kesan-tikaman/">https://malaysiagazette.com/2024/12/01/warga-emas-ditemui-mati-dengan-kesan-tikaman/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-ditemukan-maut-dengan-kesan-tikaman">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-ditemukan-maut-dengan-kesan-tikaman</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-emas-ditemui-maut-dengan-kesan-tikaman/">https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-emas-ditemui-maut-dengan-kesan-tikaman/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>FMT</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## 6,249 KEHAMILAN MENERUSI RAWATAN KESUBURAN DI LPPKN



Nancy Shukri (tengah) bersama kanak-kanak yang hadir pada Majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 dan Perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient di bangunan LPPKN hari ini. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Sebanyak 6,249 atau 21 peratus kehamilan berjaya direkodkan menerusi perkhidmatan rawatan kesuburan atau subfertiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sejak mula diperkenalkan kira-kira 45 tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, seramai 29,163 individu menjalani rawatan itu dengan kes baharu dan ulangan diterima LPPKN mencecah RM9,000 orang setiap tahun.

Menurutnya, kos rawatan pula sangat berpatutan iaitu 33 hingga 80 peratus lebih rendah berbanding harga ditawarkan di pusat rawatan kesuburan milik swasta.



Nancy Shukri (kanan) merasmikan Klinik Fertiliti LPPKN pada Majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 di bangunan LPPKN hari ini. Foto Bernama

“Jumlah kehamilan tahun ini adalah seramai 200 orang dan dengan tema #lebihawallebih, LPPKN turut menyediakan Program Bantuan Subsidi IUI pada 2020 hingga 2023 kepada pasangan yang tidak pernah hamil mengikut terma dan syarat kelayakan ditetapkan.

“LPPKN menawarkan harga berpatutan dengan kepakaran setaraf dengan pusat kesuburan swasta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Jalinan Kasih LPPKN dan merasmikan Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP) sempena Ulang Tahun ke-45 Perkhidmatan Subfertiliti LPPKN.

Majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 turut diadakan bagi meraikan anak-anak hasil rawatan perkhidmatan kesuburan di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara klien dan anggota LPPKN selain memberi penghargaan kepada semua pihak yang menyokong perkhidmatan Subfertiliti LPPKN.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff; Pengerusi LPPKN, Datuk Seri Rohani Karim dan Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah.

Nancy berkata, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga boleh mengeluarkan wang caruman daripada Akaun 2 untuk tujuan mendapatkan rawatan kesuburan.

“Peratus kejayaan rawatan kesuburan LPPKN adalah setanding dengan kadar kejayaan hamil standard antarabangsa dikeluarkan Fertility Registry of USA.



Nancy Shukri (empat dari kanan) melawat ruang klinik selepas merasmikan Klinik Fertiliti LPPKN pada Majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 dan Perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient di bangunan LPPKN hari ini. Foto Bernama

“Lebih penting, perkhidmatan Subfertiliti di LPPKN menepati maqasid syariah iaitu menjaga nasab keturunan dengan tidak sama sekali menggunakan bank sperma penderma,” ujarnya.

Katanya, Klinik Subfertiliti LPPKN juga menyediakan fasiliti lebih selesa dan terbaik kepada individu yang mendapatkan rawatan di LPPKN.

Tambahnya, melihat kepada keperluan itu juga, kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) meluluskan penubuhan Pusat Subfertiliti Negara.

“LPPKN diberi peranan dan tanggungjawab menubuhkan pusat ini yang dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2030.

“Kerajaan amat prihatin kepada keperluan perkhidmatan rawatan kesuburan dalam kalangan rakyat kurang berkemampuan,” katanya.

Jelas Nancy, kos dikenakan ketika rawatan menyebabkan masih ramai lagi pasangan tidak mahu datang mendapatkan rawatan Subfertility.

“Saya menyeru semua pihak membantu akses rawatan Subfertility dan mencadangkan industri insurans dan takaful mempertimbangkan perlindungan masalah subfertility termasuk prosedur IUI kepada pemegang sijil,” katanya.

#### Reaksi

"Alhamdulillah, terima kasih kepada LPPKN dengan ikhtiar perkhidmatan rawatan subfertility, saya mendapat cahaya mata pertama selepas lapan tahun menunggu. Sekarang saya memiliki dua anak."- Penjawat Awam, Ibrahim Daud, 41



Ibrahim Daud

"Sekarang anak perempuan saya berusia tujuh tahun, rawatan IBF membolehkan saya mendapat cahaya mata selepas lima tahun menunggu dan terbukti rawatan Subfertility LPPKN berkesan dan banyak membantu saya dan suami dengan kos berpatutan."- Penjawat Awam, Farah Hana Hassan, 35



Farah Hana

## KPWKM BERSEDIA TAMBAH PETUGAS BANJIR JIKA DIPERLUKAN

KUALA LUMPUR – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia menambah bilangan petugas bagi membantu menguruskan keperluan mangsa banjir di sembilan negeri yang terlibat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pertambahan tersebut adalah bergantung kepada keperluan semasa dan permohonan daripada kerajaan negeri.

“Kita (KPWKM) memang dari hari ke hari sentiasa memerhati (situasi banjir) takut ada lagi (negeri) yang memerlukan penambahan petugas,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Resepsi Mahligai Cinta Perdana, di sini hari ini.

Katanya, setakat ini petugas tambahan telah dihantar ke Kelantan ekoran bencana banjir yang semakin teruk di kebanyakan kawasan sehingga melebihi 89,000 mangsa terjejas.

“Kita dah hantar petugas tambahan ke Kelantan semalam, petugas kita ambil dari negeri yang tidak begitu terancam banjir buat masa ini.

“Mungkin kita tambah lagi juga (petugas banjir) di Terengganu dan negeri-negeri lain,” jelasnya.

Sementara itu, Nancy turut memaklumkan pihaknya telah memohon bantuan daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (Nadma) untuk membantu melancarkan pergerakan petugas banjir ke lokasi terjejas. – KOSMO! ONLINE

## RAMAI NAK KAHWIN, TAPI TIADA DUIT, CALON



Nancy ketika ditemui pemberita pada Majlis Resepsi Mahligai Cinta Perdana, di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR – Ramai individu bujang terutama golongan muda di Malaysia terpaksa melupakan hasrat untuk berkahwin atau menangguhkan perkahwinan disebabkan masalah kewangan, ketiadaan calon yang sesuai dan fokus kepada kemajuan kerjaya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, berdasarkan dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 86.8 peratus individu bujang mempunyai keinginan untuk berkahwin namun disekat dengan faktor-faktor tersebut.

Sebelum ini, statistik Perkahwinan dan Penceraian Malaysia 2024 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), mencatatkan penurunan bilangan perkahwinan sebanyak 12.5 peratus daripada 215,022 pada tahun 2022 kepada 188,100 pada tahun 2023.

Mengulas lanjut Nancy berkata, kecenderungan melewati perkahwinan terutama dalam kalangan wanita menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan negara yang semakin membimbangkan sekali gus mampu mengakibatkan krisis demografi.

“Kadar kesuburan Malaysia kini hanya 1.7 anak bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian populasi iaitu 2.1.

“Ini adalah cabaran besar yang perlu kita tangani kerana ia bukan sahaja melibatkan keluarga, tetapi juga masa depan ekonomi dan sosial negara,” katanya pada Majlis Resepsi Mahligai Cinta Perdana, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Nancy berkata, sebagai usaha memperkukuhkan institusi perkahwinan, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut menawarkan Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART 2.0 sebagai persediaan melayari alam berumah tangga.

“Kursus ini juga membantu pasangan membuat keputusan yang bijak, memahami peranan masing-masing dan mengatasi konflik keluarga sekaligus mengelakkan perceraian,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

## **BANJIR: KANAK-KANAK LELAKI BERUSIA SETAHUN MAUT DITEMUKAN LEMAS DI TUMPAT**



Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata kejadian yang berlaku pada 11.30 malam itu hanya disedari ibu selepas anaknya didapati tidak tidur di sisinya. - Gambar fail/BERNAMA

KPASIR MAS: Seorang kanak-kanak lelaki berusia setahun ditemukan lemas selepas dipercayai terjatuh ke dalam air di sebuah rumah di Kampung Cherang Melintang, Tumpat, pada Khamis.

Kanak-kanak Lemas: Seorang kanak-kanak lelaki berusia setahun ditemukan lemas selepas terjatuh ke dalam air di rumahnya yang dilanda banjir di Kampung Cherang Melintang, Tumpat.

Kejadian dan Tindakan: Ibu mangsa menyedari kehilangan anaknya pada malam kejadian dan menemui anaknya terapung di tingkat bawah rumah. Mangsa dibawa ke hospital dan disahkan meninggal dunia.

Korban Banjir: Kanak-kanak tersebut merupakan korban ketiga banjir di Kelantan, selain dua lelaki yang juga meninggal dunia akibat banjir.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata mangsa bersama ibunya tinggal di tingkat atas rumah dua tingkat, yang kawasannya dilanda banjir.

Beliau berkata kejadian yang berlaku pada 11.30 malam itu hanya disedari ibu selepas anaknya didapati tidak tidur di sisinya dan selepas mencari ditemukan mangsa terapung di tingkat bawah rumah.

"Ibu mangsa mendapati meja sofa yang digunakan untuk menghadang tangga ke tingkat bawah telah terusik.

"Ibu mangsa kemudian memanggil suaminya sebelum dibantu jiran untuk membawa keluar anaknya itu menggunakan perahu ke Jambatan Kubang Panjang, seterusnya dibawa ke Hospital Tumpat dan disahkan meninggal dunia," katanya dalam sidang media di Pusat Kawalan Operasi Bencana di Balai Polis Repek, di sini, hari ini.

Mohd Yusoff berkata keluarga mangsa sebelum ini sudah diarah untuk berpindah namun tidak mahu berbuat demikian.

Bayi berkenaan merupakan korban ketiga mangsa banjir di Kelantan, selain seorang lelaki berusia 35 tahun terkena renjatan elektrik dan seorang lelaki berusia 64 tahun di percayai lemas di Machang.

Dalam pada itu, beliau berkata meskipun ramalan cuaca mengatakan hujan akan reda hari ini atau esok, namun perlu diingat air akan turun ke hilir yang akan memberi kesan kepada kawasan Tumpat dan Pasir Mas.

-- BERNAMA

## GARA-GARA MAIN BASIKAL LAJAK, 7 KANAK-KANAK DITAHAN



KANAK-kanak yang ditahan di Lebu Relau 4 kerana bermain basikal lajak. FOTO Ihsan PDRM.

Georgetown: Gara-gara main basikal lajak, tujuh kanak-kanak lelaki ditahan di Lebu Relau 4 di sini semalam.

Mereka kemudian diserahkan kepada ibu bapa dan waris masing-masing.

Menurut laman Facebook Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, ia susulan aduan orang awam mengenai sekumpulan mereka bermain basikal lajak di kawasan berkenaan sehingga mengganggu ketenteraman dan berbahaya kepada pengguna jalan raya.

Rondaan dan tinjauan di sekitar kawasan kemudian dilakukan pasukan Task Force balai terbabit petang semalam.

"Hasil tinjauan mendapati seramai tujuh kanak-kanak lelaki sedang bermain basikal lajak.

"Semua kanak-kanak itu dibawa ke Balai Polis Sungai Nibong bagi tujuan dokumentasi sebelum diserahkan kepada waris penjaga masing-masing," menurut kenyataan di Facebook, hari ini.

Sehubungan itu, polis menasihati ibu bapa supaya sentiasa mengawasi pergerakan, tingkah laku dan aktiviti anak masing-masing bagi memastikan mereka tidak melakukan sebarang aktiviti yang berbahaya kepada diri sendiri dan orang lain.

Terdahulu, video mengenai perbuatan kanak-kanak itu turut tular di media sosial dipercayai dirakam orang awam.

## TAK MAMPU BAYAR BIL HOSPITAL, WANITA TINGGALKAN BAYI



JKM sedang mengesan waris bayi lelaki yang ditinggalkan ibu kandungnya di sebuah hospital. - Foto ihsan JKM

**KOTA TINGGI:** Seorang wanita warga Indonesia bertindak meninggalkan bayi lelakinya di sebuah hospital di sini, selepas tidak mampu menjelaskan bil rawatan berjumlah RM45,000.

Sumber berkata, bayi lelaki itu dilahirkan bersama kembarnya dan kedua-duanya adalah bayi pra matang pada 26 Julai lalu di sebuah kebun kelapa sawit di sini.

Katanya, bagaimanapun, kembarnya meninggal dunia, manakala bayi terbabit di bawa ke klinik sebelum ke sebuah hospital.

"Kemudian bayi itu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) hospital berkenaan bagi rawatan lanjut pada 27 Julai lalu.

"Difahamkan, ibunya yang juga warga Indonesia meninggalkan bayi itu selepas gagal membayar kos rawatan yang mencecah RM45,000," katanya.

Sementara itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat Kota Tinggi, Nor Haslinda Mohd Surandi, berkata bayi itu kini berusia lima bulan dan dalam keadaan sihat.

Katanya, bayi berkenaan menjadi mangsa pengabaian ibunya dan sehingga kini wanita itu gagal tampil untuk menuntutnya.

"Bayi ini diselamatkan dan ditempatkan di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan perintah mahkamah.

"Ibu kandung bayi itu dikenali sebagai Rostah yang juga warga Indonesia dan difahamkan dia meninggalkan bayinya selepas gagal menjelaskan bil hospital.

"Bayi ini lahir sebagai bayi pra matang dan dilahirkan di kebun kelapa sawit, Felda Bukit Besar dan kini berada dalam keadaan sihat serta sudah mencecah usia lima bulan. Alamat terakhir ibu kandung adalah di Kota Tinggi.

"Sehingga kini, ibunya atau waris terdekat tidak dapat dihubungi dan tidak pernah hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kota Tinggi bagi tujuan menuntut bayi itu," katanya.

Beliau berkata, bayi berkenaan dikategorikan sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

"Orang awam atau waris yang mengenali ibu kandung bayi ini boleh menghubungi Pelindung Kanak-kanak Daerah Kota Tinggi, Nur Nabihah Johari di talian 07-8835536." katanya menerusi siaran media hari ini.

## **BANJIR: 2 WARGA EMAS LEMAS KETIKA PANTAU TERNAKAN**

Tumpat: Dua kematian akibat lemas di daerah Machang, dekat sini hari ini menjadikan korban banjir seramai lima orang di Kelantan setakat ini.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, kedua-dua mangsa adalah lelaki warga emas berusia 72 dan 78 tahun.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa dikatakan melihat ternakan mereka di dua lokasi berasingan iaitu Kampung Kuala Sat dan Gelung Gajah.

"Kejadian pertama membabitkan mangsa berusia 72 tahun di Kampung Kuala Sat yang dikatakan melihat ternakan lembunya di parit sebelum ditemukan lemas oleh ahli keluarga jam 8 pagi tadi.

"Kes kedua pula membabitkan mangsa berusia 78 tahun di Kampung Gelang Gajah ketika melihat kambingnya yang ditempatkan di rakit yang dijadikan tempat perlindungan ternakan itu.

"Mangsa lemas ketika memantau haiwan peliharaan itu di rumah rakit bersebelahan rumahnya dengan menaiki perahu," katanya ketika sidang media, di sini, hari ini.

Mohd Yusoff berkata, pihak berkuasa sudah menasihati keluarga kedua-dua mangsa supaya berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) awal namun enggan dipatuhi.

Katanya, ia berikutan mereka sayang untuk meninggalkan ternakan dan sanggup berulang-alik menaiki perahu untuk ke tempat ternakan diletakkan.

"Kita menasihati supaya orang ramai khususnya yang tinggal di kawasan berisiko banjir agar sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa," katanya.

## **WARGA EMAS TINGGAL SEORANG DIRI DITEMUI MATI DENGAN KESAN TIKAMAN**

KULAI - Seorang warga emas ditemukan maut dengan kesan tikaman di ruang tamu rumah di Taman Bahagia, Senai pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Kulai, Asisten Komisioner Tan Seng Lee berkata, lelaki warga tempatan berusia 67 tahun itu dipercayai tinggal berseorangan di rumah tersebut.

"Maklumat berhubung kejadian diterima daripada seorang lelaki tempatan yang menelefon polis sekitar jam 11.42 pagi, Sabtu.

"Pengadu memberitahu telah menjumpai seorang lelaki dalam keadaan terbaring berlumuran darah di ruang tamu rumahnya," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut Seng Lee, hasil pemeriksaan ke atas tubuh badan mangsa mendapati terdapat kesan tikaman dipercayai menggunakan objek tajam.

"Siasatan di lokasi mendapati tiada barang mangsa yang hilang dan punca kejadian masih dalam siasatan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Pihak polis menggesa orang awam yang mempunyai sebarang maklumat mengenai kejadian tersebut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Asisten Komisioner Nur Aniyah Ismail di talian 013-9792526 atau IPD Kulai 07-6632222," katanya.